



# GARIS PANDUAN PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA (PLKN) 3.0, TERBUKA KEPADA WARGANEGARA MALAYSIA TAHUN 2024

## 1. Pengenalan

Berlandaskan keperluan dan konsep baharu pelaksanaan semula Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) 3.0 yang menitikberatkan tiga (3) teras utama, iaitu **Cinta Negara, Perpaduan dan Kesukarelawan**. Kerajaan telah berhasrat untuk mempertengahan satu rangka yang menjadi mekanisme utama untuk memantapkan jati diri, menyemai semangat patriotisme yang mengikat kesetiaan golongan belia kepada negara.

Sehubungan dengan itu, Institut Pertahanan dan Keselamatan Malaysia (MIDAS) melalui Kementerian Pertahanan (MINDEF) mengambil inisiatif untuk membina semula penjenamaan PLKN 3.0 seiring dengan keperluan semasa. Oleh yang demikian, semua Warganegara Malaysia dipelawa untuk menyertai Pertandingan Mencipta Logo Khidmat Negara yang baharu ini.

## 2. Syarat-syarat Pertandingan & Spesifikasi Logo

- Penyertaan terbuka kepada semua **Warganegara Malaysia** sahaja.
- Setiap peserta hanya boleh menghantar **1 penyertaan** sahaja.
- Reka bentuk logo hendaklah dihasilkan menggunakan kertas **bersaiz A4** berwarna putih dalam komputer grafik menggunakan **format Adobe Illustration (AI) atau JPEG** dengan **resolusi minimum 1280 x 960** atau menggunakan perisian terkini yang bersesuaian.



- Semua logo adalah ciptaan asli dan tidak boleh mengandungi unsur sensitiviti kaum, budaya dan agama. Pihak penganjur berhak membatalkan penyertaan sekiranya ciptaan adalah tidak asli sepertimana di dalam akuan borang.
- **Maksimum penggunaan empat (4) warna** tidak termasuk warna hitam dan Tulisan **Khidmat Negara** wajib dimasukkan dalam logo tetapi hendaklah dalam bentuk yang ringkas dan mudah.
- Setiap penyertaan perlu disertakan dengan penulisan yang menerangkan idea, maksud lambang, konsep dan penggunaan warna/fon di sebalik ciptaan logo dan slogan yang dihasilkan.
- Disediakan dalam **Bahasa Malaysia**.
- Penganjur mempunyai hakmilik penuh ke atas setiap penyertaan yang diterima termasuk logo dan slogan yang menang, mempunyai hak penuh untuk mengubah suai dan menggunakan semua atau sebahagian daripada ciptaan logo dan slogan yang diterima dan budi bicara sepenuhnya ke atas penggunaan logo dan slogan yang menang.
- Logo PLKN mesti melambangkan **Patriotisme, Semangat Perpaduan** dan **Kesukarelawan**.



### 3. Penilaian

Penilaian akan dijalankan berdasarkan kriteria berikut:

- Teknik penggunaan fon dan warna untuk logo
- Ketepatan kandungan dan pemahaman mengenai PLKN
- Kreativiti & keaslian
- Reka bentuk, persembahan dan bahasa secara keseluruhan
- Kualiti karya seni dan kesempurnaan dokumen penyerahan

### 4. Keputusan Pertandingan

- Keputusan panel penilai adalah **MUKTAMAD** dan sebarang rayuan atau bantahan adalah tidak dibenarkan.
- Panel penilai berhak untuk membatalkan penyertaan pada mana-mana peringkat pertandingan sekiranya didapati peserta tidak mematuhi mana-mana syarat pertandingan yang ditetapkan.
- Panel penilai berhak mengubahsuai dan meminda reka bentuk logo sekiranya perlu. Logo yang terpilih akan diguna pakai dan menjadi hak milik Kementerian Pertahanan.
- Semua pemenang akan dimaklumkan secara rasmi oleh urusetia.



### Contoh Imej Penghantaran Peserta:



Rajah 4.0: Contoh Logo Rasional PLKN 2.0



Penyertaan boleh dibuat melalui pautan **“Google Form”** atau menerusi imbasan **“QR Code”** yang tertera di bawah:



<https://forms.gle/99TXvaVtjnr8R3CNA>